

# Dialog Bohm: Membentuk Generasi Pendidik Celik Keadilan Alam Sekitar

written by Hazrul | 18/06/2024

Sidang Kemuncak Transformasi Pendidikan oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu ([UN Transforming Education Summit](#)) 2022 menekankan bahawa isu alam sekitar kini memerlukan perhatian serius. Di Malaysia, masalah seperti [pencemaran sungai](#), [pembalakan haram](#), dan [jerebu](#) menjadi bukti nyata bahawa isu alam sekitar memberi kesan kepada kehidupan kita. Oleh itu, kesedaran tentang keadilan alam sekitar perlu dipupuk khususnya dalam kalangan guru-guru sejak awal latihan mereka.

Sehubungan itu, [United Nations Environment Programme](#) (UNEP) telah mengesyorkan agar perubahan yang dijalankan agar bersifat transformatif, berasaskan skala kecil dan bersifat serta sama. Dalam konteks sekolah, guru memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pelajar terhadap alam sekitar. Namun, UNESCO mendapati bahawa walaupun 95% guru mengakui pentingnya pendidikan kelestarian, kurang daripada 30% yang bersedia mengajarnya. Justeru, sesi dialog perlu dimulakan untuk membangunkan kapasiti bakal guru untuk mengupas dan melaksanakan tindakan pro-aktif dalam membentuk keadilan alam sekitar melalui pelbagai ruang lingkup pendidikan.



Guru memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pelajar terhadap alam sekitar.

Tidak dapat dinafikan bahawa isu alam sekitar bukan sahaja mempengaruhi kesihatan kita secara langsung, tetapi juga menimbulkan kesan domino seperti [konflik sumber makanan](#), [ketidakstabilan ekonomi](#), perpindahan komuniti terancam, [kerusakan infrastruktur](#), dan

pergolakan sosial. Oleh itu, istilah “[keadilan alam sekitar](#)” bukan sekadar retorik, tetapi satu seruan untuk kita memahami dan menangani ketidakadilan dalam menikmati alam sekitar yang bersih dan selamat serta memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, setiap individu juga perlu diasuh dengan hak dan tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar sedari awal persekolahan.

### Inspirasi Dialog Bohm

Sejak Januari 2024, sebuah sesi dialog telah diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris ([UPSI](#)) yang diikuti dengan projek-projek susulan sehingga Mei 2024. Sesi tersebut menghimpunkan bakal guru dalam bidang sains untuk meneroka sikap pro-alam sekitar melalui kaedah pembelajaran dan amalan praktikal. Dialog Bohm, yang diinspirasikan oleh ahli fizik terkenal, [David Bohm](#), membolehkan perbualan secara terbuka, telah membantu peserta meneroka pandangan baru dan membentuk sikap pro-alam sekitar. Dalam sesi ini, peserta membincangkan strategi yang boleh digunakan dalam pendidikan untuk mempromosikan kelestarian alam dan keadilan alam sekitar dalam pendidikan sains, seperti:

1. **Projek Penglibatan Komuniti:** Menjalankan projek bersama komuniti kampus berkaitan dengan advokasi alam sekitar
2. **Rekabentuk Pengajaran Mesra Alam:** Memperkenalkan bahan bantu dan teknologi mesra alam dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. **Pembangunan Bahan Bantu Pengajaran Digital:** Penciptaan dan penyebaran bahan bantu pengajaran dalam format digital untuk mengurangkan jejak karbon dari pengangkutan.
4. **Kajian Kes dalam Kampus:** Menggunakan isu-isu alam sekitar tempatan sebagai bahan penyelidikan untuk menilai konsep keadilan alam sekitar secara kontekstual untuk meningkatkan pemahaman pelajar.
5. **Inisiatif Komunikasi Sains:** Pelancaran siri *podcast* berkaitan biodiversiti dan pemuliharaan untuk perbincangan tentang isu berkaitan keadilan alam sekitar melalui monolog, dialog dan perkongsian berkumpulan tentang isu keadilan alam sekitar.
6. **Pameran dan Hebahan:** Aktiviti pameran dan hebahan mengenai sesi dialog dan projek yang mendasari konsep keadilan alam sekitar bagi pengetahuan umum.



Sesi Dialog Bohm melibatkan bakal guru sains, biologi, kimia dan fizik.

Dialog ini merupakan elemen penting dalam inisiatif penyelidikan yang mencirikan keperluan

aktif dan partisipatif mampu mendokong hak dan keadilan alam sekitar dalam kalangan bakal guru di UPSI. Dialog ini telah disokong oleh *Strengthening Human Rights and Peace Research and Education in Southeast Asia (SHAPE-SEA)* dan ditaja oleh *The Swedish International Development Cooperation Agency (SIDA)* bagi memperkasa kapasiti guru dalam mendukung keadilan alam sekitar.

### **Refleksi Program**

Program ini bertujuan mengatasi cabaran alam sekitar dengan memperdalam pemahaman mengenai keadilan alam sekitar dalam kalangan bakal guru. Melalui dialog terbuka, peserta berpeluang meneroka berbagai pandangan dan strategi untuk mengintegrasikan pendidikan alam sekitar ke dalam pengajaran mereka. Inisiatif ini bukan sahaja membentuk masa depan pendidikan sains tetapi juga memastikan kelestarian alam untuk generasi akan datang. Dialog Bohm yang dijalankan ini merupakan satu ruangan untuk sesi sumbang saran yang telah membuka ruang penerokaan pelbagai strategi dalam pendidikan sains dalam kalangan bakal guru di UPSI.



Penggunaan bahan pengajaran mesra alam.



Pameran bahan bantu pengajaran digital yang telah dibangunkan.

Lawati [laman Spotify](#) ini untuk mendengar siri podcast berkaitan biodiversiti dan pemuliharaan hasil sesi Dialog Bohm.

Disediakan oleh:

[Zainun Mustafa](#), [Lilia Ellany Mohtar](#), [Muhd Ibrahim Muhamad Damanhuri](#) dan [Nur Izwani Mohd Shapri](#)